

Bil. 24

Isnin

14 November 2016



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

UCAPAN DI BAWAH USUL BEKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Isu Kilang Sawit dan Kilang Getah di Segamat** - *YB. Tuan Liew Chin Tong (Kluang) m.s. 1*
- **Isu Pekerja Tempatan yang Ditindas di Sandakan** - *YB. Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh (Sandakan) m.s. 3*

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] – MCA
4. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
5. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P., S.M.W [Telok Intan] – GERAKAN
6. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato’ Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
7. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M [Sembrong] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] – UMNO

11. Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
12. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
14. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] - PBRS
15. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] – UPKO
16. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] – PRS
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
18. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
19. “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
21. “ Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
22. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
23. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan – *Senator*
24. “ Menteri Belia dan Sukan, Brig. Jen. Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. [Kota Belud] – UMNO
26. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] - PBB
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA

28. Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
30. “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] – UMNO
31. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak – *Senator*
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] – UMNO
33. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] – MCA
34. “ Menteri Kewangan II, Datuk Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S. [Titiwangsa] - UMNO
35. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P., [Tanjong Karang] - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Saravanan A/L Murugan [Taph] – MIC
2. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] – UMNO
3. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] - UMNO
4. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] – PBB
6. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Lee Chee Leong – *Senator*
7. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] – MCA

8. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] – UMNO
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan – *Senator*
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
14. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K., P.M.W. [Hulu Selangor] – MIC
16. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] – UMNO
17. “ Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk **Dr.** Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS
18. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, , S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M. [Tangga Batu] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun – *Senator*
22. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] – UMNO
24. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] – UMNO

25. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan Chong Sin Woon – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] – UMNO
29. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Masir Anak Kujat, P.P.B. [Sri Aman] – PRS
30. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] – SPDP
31. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy – *Senator*
32. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K. [Jerlun] – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB
34. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] – UMNO
6. “ Dato' Sri Abdul Manan Ismail, S.S.A.P., D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO

9. Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB
10. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
11. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
12. “ Dato’ Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] – UMNO
13. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
14. “ Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] – UMNO
15. “ Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] – PBB
16. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] - UMNO
17. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
18. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] – SPDP
19. “ Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] - UMNO
20. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
21. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
22. “ Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K [Ranau] - UPKO
23. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
24. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
25. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
26. “ Dato’ Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P [Kuala Pilah] - UMNO
27. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] - UMNO
28. “ Dato’ Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, S.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
29. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
30. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
31. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS

32. Yang Berhormat Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
33. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
34. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
35. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
36. “ Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
37. “ Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
38. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] -UMNO
39. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] – UPKO
40. “ Datin Mastura binti Tan Sri Dato’ Mohd Yazid [Kuala Kangsar] - UMNO
41. “ Dato’ Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - UMNO
42. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO
43. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
44. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] – PBB
45. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
46. “ Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
47. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
48. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
49. “ Dato’ Dr. Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
50. “ Puan Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N. [Pasar Gudang] - UMNO
51. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
52. “ Datuk Seri Palanivel A/L K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] – MIC
53. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
54. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
55. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB

56. Yang Berhormat Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
57. “ Datuk Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
58. “ Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
59. “ Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
60. ” Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
61. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
62. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
63. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
64. “ Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang] - PRS
65. “ Dato’ Sri Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
66. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
67. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
68. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
69. “ Dato’ Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
6. “ Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]
7. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]
8. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
9. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
10. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]

11. Yang Berhormat Dato' Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
12. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
13. “ Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
14. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
15. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
16. “ Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
17. “ Datuk Mohd Idris bin Jusri, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
18. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
19. “ Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]
20. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
21. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
22. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
23. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
24. “ Dato' Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
25. “ Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
26. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
27. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
28. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. “ Tuan Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]

12. Yang Berhormat Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]
27. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
28. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
29. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
30. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
31. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
32. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
33. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
34. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
35. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
36. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
37. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]

8. Yang Berhormat Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
9. “ Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. “ Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
12. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

AHLI-AHLI (AMANAH)

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
3. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

PSM

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]

PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA (PPBM)

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. [Pagoh]

WARISAN

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P. [Semporna]
2. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Puan Lavinia A/P Vyveganathan

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Alzian binti Baharudin
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Noraidah binti Manaf
Siti Norlina binti Ahmad

Suriyani binti Mohd. Noh
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Nurul Atikah binti Basrudin
Nor Effazimmah binti Maliki
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Nurul Fadhilah binti Ibharim
Hizamihatim Maggiha bin Juara

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA
Isnin, 14 November 2016**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

*[Tuan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

Isu Kilang Sawit dan Kilang Getah di Segamat

2.33 ptg.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu yang saya hendak bangkit ialah isu berkenaan dengan kilang sawit di Jementah/Kebun Bahru dan kilang getah di Buloh Kasap. Kedua-dua ini di kawasan Parlimen Segamat. Operasi kilang memproses sawit milik Tetuan Milik Mestika Sdn. Bhd. yang terletak di Jementah/Kebun Bahru, Segamat telah menyebabkan pencemaran udara yang membawa kepada permasalahan bau busuk dan turut memberi kesan kepada kesihatan penduduk setempat.

Kilang tersebut mula dibina pada 2014 dan sejak itu, banyak rungutan serta aduan telah dibuat oleh penduduk tempatan yang risau akan berlakunya pencemaran udara yang bakal menggugat kesihatan mereka. Lokasi kilang yang dibina adalah sangat berhampiran, sangat dekat dengan tempat tinggal penduduk.

Menurut ADUN Jementah, Johor iaitu Tan Chen Choon, kilang tersebut telah dibina tanpa kelulusan pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Daerah Tangkak (MDT) dan Jabatan Alam Sekitar Johor. Bahkan MDT telah membawa pemilik kilang ke Mahkamah Sesyen pada bulan Mac 2015 atas kesalahan membina bangunan kilang tanpa kebenaran mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Walau bagaimanapun, pemilik kilang telah membuat rayuan dengan Kementerian Alam Sekitar di Putrajaya.

Berpandukan jawapan balas pada sesi dialog yang pernah dijalankan antara penduduk dan pihak kilang pada 21 Ogos 2016, pegawai dari Jabatan Alam Sekitar Muar telah menyatakan bahawa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah meluluskan rayuan oleh pihak kilang, namun tertakluk pada terma-terma dan syarat-syarat tertentu yang ditetapkan. Apa yang saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar memberikan

kebenaran kepada kilang tersebut? Atas alasan apa kebenaran itu diberikan? Adakah Kementerian sedar bahawa impak, kesan dan ancaman terhadap penduduk tempatan?

Juga Tuan Yang di-Pertua, kilang getah di Buloh Kasap, yang juga di kawasan Parlimen Segamat yang saya bawa beberapa kali, menyebabkan pencemaran udara yang membawa kepada permasalahan bau busuk dan turut memberi kesan kepada kesihatan penduduk tempatan. Saya sudah bangkit di Parlimen beberapa kali, tetapi belum ada sebarang tindakan daripada pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya minta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengambil tindakan tegas demi kepentingan penduduk. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

2.37 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tahniah. Tahniah dapat PhD.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Susah hendak jawab ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hebat.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Ini susah hendak jawab ini. Terima kasih.

Bagi kilang kelapa sawit milik Tetuan Milik Mestika Sdn. Bhd, rayuan permohonan Penilaian Awal Tapak telah dikemukakan oleh pihak premis ke Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar pada 21 Januari 2015. Pihak kilang masih berusaha untuk mendapatkan kelulusan pihak berkuasa tempatan. Justeru, Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengeluarkan surat tiada halangan terhadap tapak cadangan dengan langkah-langkah kawalan yang ketat seperti disyaratkan bagi Kelulusan Bertulis di bawah seksyen 19, dan lesen di bawah seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Antara langkah-langkah kawalan pencemaran yang disyaratkan kepada premis adalah:

- (i) Pemasangan *biogas plant* bagi mengawal pencemaran bau bagi memerangkap gas-gas rumah hijau yang terbebas daripada kolam-kolam sistem rawatan efluen perindustrian dan seterusnya untuk penjanaan kuasa elektrik;
- (ii) Pemasangan *polishing bio membrane plant* sebagai rawatan akhir efluen sebelum pelepasan ke alur air bagi mematuhi standard pelepasan 20mg/L bagi parameter BOD₃;

- (iii) Efluen terolah hendaklah dilepaskan ke alur air ke Sungai Legeh iaitu hilir Sungai Jementah iaitu tidak melibatkan takat pengambilan air Loji Rawatan Air, Jementah; dan
- (iv) Pemasangan sistem kawalan pencemaran udara bagi mematuhi pematuhan standard pelepasan *Particular Matter* (PM) 150mg/NM3 yang dilengkapi dengan *Continuous Emission Monitoring Systems* (CEMS) bagi membolehkan pemantauan pelepasan asap hitam dilakukan oleh Jabatan Alam Sekitar secara *online* berterusan.

■1440

Alasan kebenaran diberikan oleh JAS adalah berasaskan kepada keperluan jarak penampian sekurang-kurangnya 500 meter seperti yang ditetapkan dalam *Guidelines for Siting and Zoning of Industries and Residential Areas* dan keberkesanan teknologi kawalan pencemaran. Dalam hubungan ini, cadangan kilang kelapa sawit tersebut didapati memenuhi keperluan teknikal jabatan.

Berhubung dengan pengoperasian premis ini, pihak JAS telah menjalankan lawatan penguatkuasaan pada 9 Ogos 2016 setelah premis mula beroperasi. Premis didapati patuh serta masih tiada pelepasan efluen daripada sistem rawatan kepada alur. Bagi memastikan sistem kawalan pencemaran beroperasi dengan berkesan dan cekap, premis juga akan melaksanakan *Guided Self-Regulations* (GSR) dengan salah satu elemen iaitu *performance monitoring* sistem alat kawalan tersebut oleh orang berwibawa ataupun *competent person* yang ditauliahkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Pihak JAS akan terus menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan dari semasa ke semasa supaya pihak premis mematuhi semua syarat Jadual Pematuhan yang dikepilkan bersama lesen yang telah dikeluarkan untuk mengelakkan sebarang pencemaran oleh pengoperasian kilang. Pihak JAS akan menarik balik lesen tersebut sekiranya pihak kilang tidak memenuhi pertamanya, syarat-syarat yang telah pun dikeluarkan. Kedua, komitmen yang telah pun dipersetujui seperti yang disebutkan tadi. Itu yang berkaitan dengan kilang kelapa sawit.

Bagi premis Kian Lee SMR Factory Sdn. Bhd. iaitu kilang getah yang beralamat di Lot 952, Buloh Kasap, Segamat pula merupakan kilang getah yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Premis ini dipantau rapi kerana aduan berulang yang kerap diterima berkaitan pencemaran bau busuk berikutan lokasinya di sekeliling penempatan dengan jarak rumah terdekat adalah 70 meter.

Pihak JAS telah mengambil tindakan penguatkuasaan sewajarnya di bawah peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan telah mengarahkan premis supaya memasang Sistem Kawalan Pencemaran Udara (SKPU) tambahan serta memastikan bahawa kawasan penstoran adalah tertutup bagi mengawal masalah bau busuk.

Pihak Jabatan Alam Sekitar sedar bau masih lagi berterusan, masih lagi dikesan dan pihak Jabatan Alam Sekitar akan terus memantau perkembangan tersebut bagi memastikan pematuhan berterusan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dilaksanakan. Sekiranya tidak ada apa-apa perubahan, tindakan seterusnya di mana akta akan tetap dijalankan. Sekian, terima kasih.

Isu Pekerja Tempatan yang Ditindas di Sandakan

2.43 ptg.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya bentang satu ucapan penangguhan kepada Kamar Khas ini tentang 39 orang pekerja tempatan ditindas oleh dua buah syarikat sekuriti yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah terima aduan daripada 39 orang pekerja tempatan di Sandakan yang mendakwa dua buah syarikat sekuriti iaitu Kawalan Keselamatan Evolusi Sdn. Bhd. serta One Mission Security Services Sdn. Bhd. yang telah menindas pekerja-pekerja dan melanggar undang-undang. Terlebih dahulu, saya diberitahu bahawa dua buah syarikat ini adalah beralamat dan berdaftar di Putrajaya yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan bagi tugas menjaga keselamatan di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan.

Saya juga dapat tahu bahawa kini di seluruh negeri Sabah, semua kontrak sekuriti sekolah telah ditawarkan kepada syarikat-syarikat yang berasal dari Semenanjung. Ini adalah sesuatu yang saya tidak faham. Mengapa tidak ada syarikat sekuriti tempatan mampu dapat kontrak tersebut di sekolah tempatan di Sabah. Saya minta penjelasan tentang perkara ini daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, saya tahu syarikat ini yang berasal dari Semenanjung adalah sangat tidak profesional dan tidak efektif apabila menjalankan tugas sekuriti di sekolah. Tugas yang tidak berkesan sering kali menimbulkan masalah dalam pentadbiran sekolah.

Kembali kepada aduan-aduan yang dibangkitkan oleh pekerja-pekerja syarikat sekuriti ini berkenaan penindasan yang dibuat oleh syarikat majikan. Mengikut aduan mereka, kedua-dua syarikat sekuriti itu telah tertunggak gaji minimum pada tahun 2015 dan 2016. Selain itu, slip gaji pun tidak telus dan lengkap dan KWSP tidak dicarum walaupun terdapat pemotongan dalam slip gaji. Tambahan pula, syarikat pun gagal mematuhi undang-undang untuk memberi cuti tambahan atau gaji tambahan jika mereka bekerja berlebihan masa.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, mereka telah mengadu kepada Jabatan Tenaga Buruh di Sabah untuk mendapat pampasan daripada syarikat majikan. Mengikut pengiraan dari Jabatan Tenaga Buruh, Kawalan Keselamatan Evolusi Sdn. Bhd. telah tertunggak sebanyak RM407,000 melibatkan 28 pekerja, manakala One Mission Security

Services Sdn. Bhd. tertunggak sebanyak RM162,000 melibatkan 11 orang pekerja.

Selepas mereka mengadu kepada pengurusan syarikat itu, mereka terus dibalas dendam oleh syarikat yang menukar tempat kerja mereka ke luar daerah tanpa perbincangan dengan mereka. Selain itu, surat perpindahan diterima sehari sebelum tarikh melapor diri iaitu 18 Oktober 2016. Justeru, mereka terpaksa menghentikan kerja dan menuntut keadilan daripada pihak kerajaan. Saya minta kementerian menyiasat secara menyeluruh berkenaan kes ini dan mengambil tindakan ke atas dua syarikat itu jika ada terbabit kesalahan.

Akhir sekali, yang pentingnya saya mahu minta, kerajaan beri penjelasan kenapa kontrak sekuriti sekolah ini tidak boleh diberi kepada syarikat tempatan? Ini *easier for management whatever* dengan izin, yang dikenali oleh orang tempatan. Saya minta kontrak ini dihentikan dan ditawarkan kepada syarikat tempatan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

2.49 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sandakan atas keprihatinan Yang Berhormat Sandakan terhadap kebajikan pekerja, khususnya melibatkan 39 orang pekerja kawalan keselamatan sekolah di Sandakan. Pada kesempatan ini, izinkan saya menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan tender kawalan keselamatan sekolah di negeri Sabah dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Sabah sendiri, manakala pelantikan kontraktor kawalan keselamatan sekolah dilaksanakan oleh pihak Perbendaharaan Malaysia Sabah. Tender Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (PKK) bagi negeri Sabah dilaksanakan secara tender terbuka dan ditawarkan kepada semua syarikat kawalan keselamatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri.

■1450

Bilangan syarikat keselamatan yang beribu pejabat di negeri Sabah hanya berjumlah lima syarikat berbanding dengan sebanyak 162 kontrak. Dengan kata lain, jumlah syarikat tempatan negeri Sabah hanyalah 3.1 peratus daripada jumlah kontrak yang ditawarkan di negeri Sabah. Sehubungan dengan itu, tender-tender yang tidak mampu dilaksanakan oleh syarikat tempatan dibuka kepada syarikat daripada Semenanjung yang juga diwajibkan mempunyai pejabat cawangan di negeri Sabah.

Kementerian Pendidikan telah menggariskan beberapa kriteria dalam pemilihan syarikat kawalan keselamatan di sekolah-sekolah. Kriteria-kriteria tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Syarikat perlu berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di bawah Kepala dan Sub-Kepala 220801 (Kawalan Keselamatan) yang masih sah dan berkuat kuasa;
- (ii) Syarikat mempunyai sijil dan lesen (Borang B) menjalankan urusan agensi persendirian dari Kementerian Dalam Negeri yang sah dan masih berkuat kuasa;
- (iii) Syarikat mempunyai pengawal keselamatan yang telah mendapat sijil *Certified Security Guards* (CSG) yang dianjurkan oleh KDN; dan
- (iv) Syarikat tidak mempunyai rekod atau prestasi buruk dari KDN atau agensi kerajaan yang lain.

Syarikat kawalan keselamatan yang telah dilantik wajib mematuhi syarat-syarat berikut dalam melantik pengawal keselamatan syarikat:

- (i) Syarikat perlu mendapatkan khidmat pengawal keselamatan warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang 18 tahun dan tidak melebihi 60 tahun sepanjang tempoh perjanjian;
- (ii) Syarikat perlu mengemukakan laporan pemeriksaan kesihatan yang dijalankan setiap tahun bagi pengawal keselamatan yang berumur di antara 55 tahun sehingga 60 tahun mengesahkan bahawa pengawal-pengawal ini disahkan sihat untuk bekerja;
- (iii) Syarikat perlu mengemukakan salinan Sijil Lulus Tapisan Keselamatan bagi setiap pengawal keselamatan yang dibekalkan;
- (iv) Syarikat perlu memastikan pengawal keselamatan yang dilantik wajib lulus ujian air kencing dalam tempoh 30 hari dari tarikh lantikan bagi setiap pengawal. Pengawal yang didapati tidak lulus ujian air kencing dalam tempoh yang ditetapkan tidak dibenarkan berkhidmat dan perlu digantikan dengan pengawal lain dengan serta-merta; dan
- (v) Syarikat perlu memastikan pengawal keselamatan sentiasa berdisiplin serta mematuhi pemakaian pakaian seragam yang ditetapkan dalam pekeliling, peraturan dan arahan KDN yang berkuat kuasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha menguatkuasakan kontak-kontrak di bawah Kementerian Pendidikan termasuk perkhidmatan kawalan keselamatan dilakukan secara berterusan. Bagi memantapkan

pemantauan oleh pihak sekolah ataupun institusi pendidikan terhadap kontraktor kawalan keselamatan, Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan surat arahan pentadbiran pada bulan Mei 2015 dan Buku Panduan Pengurusan Kontrak pada bulan Jun 2015 kepada semua sekolah atau institusi pendidikan untuk dijadikan rujukan dalam menguatkuasakan kontrak. Selain daripada itu, bagi memantau prestasi kontrak secara keseluruhan, Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan garis panduan pemantauan prestasi pada bulan April 2016 untuk digunakan oleh pihak sekolah atau institusi pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan semakan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah bersama-sama pihak sekolah yang terlibat, kedua-dua syarikat yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu Evolusi Sdn. Bhd. serta One Mission Security Services Sdn. Bhd. telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang dengan kehadiran pengawal yang penuh seperti mana keperluan kontrak.

Kementerian Pendidikan memandang serius akan aduan Ahli Yang Berhormat bahawa kedua-dua syarikat tersebut telah menganiaya pekerja mereka. Berdasarkan hasil siasatan awal oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dengan pekerja kedua-dua syarikat tersebut, didapati syarikat itu telah membuat pembayaran gaji sebanyak RM800 kepada setiap pekerja.

Kadar gaji ini telah tidak menepati Kadar Gaji Minimum 2016 iaitu sebanyak RM920 yang mula dilaksanakan mulai Julai 2016. Walau bagaimanapun, urusan syarikat berkaitan dengan gaji, caruman KWSP, pelantikan dan pertukaran serta kebajikan pekerja tidak berada dalam bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Pihak Kementerian Pendidikan akan memberikan kerjasama dengan pihak Jabatan Tenaga Kerja Negeri Sabah untuk membantu menyelesaikan aduan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Jabatan Tenaga Kerja Sandakan mengesahkan telah menerima aduan daripada 39 orang pengawal keselamatan kedua-dua syarikat tersebut. Pihak JTK sedang membuat siasatan terhadap semua aduan tersebut. Sebarang keputusan atau kesahihan aduan ini masih dalam siasatan pihak JTK. Pihak KPM akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan hasil siasatan dan syor-syor daripada JTK Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan ingin menegaskan bahawa penawaran kontrak kawalan keselamatan sekolah termasuk di Sabah adalah mengikut prosedur sedia ada dan arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Tender PKK bagi negeri Sabah ditawarkan kepada semua syarikat perkhidmatan kawalan keselamatan yang berdaftar dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan termasuk syarikat tempatan negeri Sabah.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan akan meneruskan amalan ini seperti juga di negeri-negeri lain di Malaysia, memandangkan perolehan tender bagi perkhidmatan berkenaan pada masa ini telah dapat dilaksanakan dengan berkesan dan lebih telus. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:
Setakat itu sesi ucapan di bawah usul berkenaan perkara tadbir kerajaan

untuk hari ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Selasa, 15 November 2016.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.57 petang]